

07/09/2003

TNB serah hasil siasatan kepada PM

Azman Mahmood

KOTA BHARU: Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menyerahkan segala hasil siasatan dan rumusan berhubung kejadian bekalan elektrik terputus di lima negeri minggu lalu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keputusan yang dijangka diperoleh dalam masa dua minggu lagi akan diserahkan apabila TNB selesai mengadakan satu lagi mesyuarat Lembaga Pengarahnya dalam tempoh terdekat ini bagi membincangkan perkara itu.

Pengerusinya, Datuk Dr Awang Adek Hussein, berkata TNB tidak akan menyembunyikan maklumat berhubung kejadian itu dan akan memaklumkan kepada semua apabila segala maklumat diperoleh.

Beliau berkata, ketika ini TNB sedang menumpukan perhatian mencari punca kejadian dan sebabnya yang konkrit.

"Kita akan serah kepada kerajaan dan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan semua Menteri Kabinet.

"Ini supaya semua pihak yang mengambil berat mengenai kejadian ini mendapat maklumat. Kita tidak ada sesuatu perlu disembunyikan. Kita akan bagi tahu kepada semua.

"Kita cari sebabnya supaya dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan seboleh mungkin masalah ini tidak berulang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Menjana Usahawan Cemerlang anjuran bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan TNB, di Hotel New Pasific, di sini, semalam.

Isnin lalu, bekalan elektrik di lima negeri - Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis terputus mulai jam 9.58 pagi menyebabkan pelbagai urusan termasuk sektor perniagaan, terganggu beberapa jam.

Kejadian dikatakan berlaku berikutan talian penghantaran elektrik di antara Bukit Beruntung, Selangor dan Batu Gajah, Perak terpelantik ketika TNB menjalankan kerja penyelenggaraan.

Presiden dan Ketua Eksekutif TNB, Datuk Pian Sukro dalam kenyataan akhbaranya pula, Selasa lalu berkata kerosakan dipercayai berlaku kerana talian penghantaran tidak berupaya menampung beban bekalan sewaktu kerja penyelenggaraan dijalankan.

Awang Adek berkata, pada mulanya TNB menjangka proses mencari punca kejadian dan membuat rumusan tidak mengambil masa panjang dan boleh diketahui dalam masa seminggu saja.

Bagaimanapun, katanya disebabkan TNB belum jelas apakah punca sebenarnya berlakunya terputus bekalan itu, pihaknya terpaksa mengambil masa sebelum membuat rumusan mengenainya.

"Jadi kita perlu masa sedikit. Dijangka dalam masa dua minggu lagilah (keputusan siasatan) dan mungkin satu lagi mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan bagi mendapat maklumat lebih terperinci supaya kita berpuas hati apakah sebenarnya yang menyebabkan masalah bekalan elektrik itu (terputus).

"Saya sudah berbincang dengan pengurusan dan Lembaga Pengarah TNB dalam mesyuarat lembaga pengarah Khamis lalu dan mendengar penjelasan mengenai kejadian itu dan didapati sebab-sebabnya perlu di teliti lagi," katanya.